

Orang ramai harap kes positif di Selangor, Kuala Lumpur turun secara drastik

'Sepatutnya PKPD dibuat lebih awal'

KOSMO (02/07/2021) M15 03


Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA - Pengumuman kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur mendapat reaksi pelbagai daripada orang ramai.

Rata-rata mereka menyokong keputusan itu dan menaruh harapan agar kes positif di dua negeri itu yang semakin membimbangkan akan berlaku penurunan ketara.

Malah, tidak kurang juga yang menyifatkan tindakan berkenaan sepatutnya dilakukan lebih awal sekali gus mengekang penularan wabak berkenaan.

Sehingga semalam, Selangor mencatatkan 2,885 individu positif, manakala Kuala Lumpur sebanyak 988 kes.



berkesan untuk menurunkan kadar jangkitan Covid-19.

"Saya percaya ini (PKPD) yang terbaik dan berharap supaya penduduk di negeri ini dan Kuala Lumpur dapat mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan," katanya semalam.

Bagi Tahir Sengor, 50, sekatan yang dikenakan susulan PKPD sesuatu yang masih boleh diterima dan tidak terlalu menekan orang ramai kerana kedai makan dan runcit masih dibuka.

"Namun, keadaan mungkin agak sukar buat golongan peniaga. Mereka baru sahaja beberapa hari dapat berniaga sehingga pukul 10 malam dan kini terpaksa kembali tutup pukul 8 malam," ujarnya.

Dalam pada itu, Tahir berkata, ramai yang mempersoalkan mengapa baru sekarang PKPD dikuatkuasakan selepas jumlah kes

mahu dikenali sebagai Akmam, 42, memberitahu, dia khuatir mengenai anaknya seorang autisme.

Jelasnya, anaknya perlu dibawa keluar rumah untuk mengurangkan tantrum.

"Bila difikirkan payah juga untuk menempuhi tempoh beberapa minggu ini," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang remiser, Mohd. Al Adzha Johar berkata, ramai pihak bakal berdepan kesulitan kerana hanya seorang dibenarkan keluar rumah seterusnya mengganggu urusan termasuk membeli barang.

"Tindakan lambat diambil. Patut dua bulan lepas dah buat. Luar negara ada yang dah kembali stabil," ujarnya.

Sementara itu, Mohd. Taufiq Manap, 42, memberitahu, dia percaya sektor perkilangan perlu ditutup sepenuhnya kerana ia

Orang ramai harap kes positif di Selangor, Kuala Lumpur turun secara drastik

'Sepatutnya PKPD dibuat lebih awal'

KOSMO (02/07/2021) M15 03

Oleh ZULKIFLI MANZOR


PETALING JAYA – Pengumuman kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur mendapat reaksi pelbagai daripada orang ramai.

Rata-rata mereka menyokong keputusan itu dan menaruh harapan agar kes positif di dua negeri itu yang semakin membimbangkan akan berlaku penurunan ketara.

Malah, tidak kurang juga yang menyifatkan tindakan berkenaan sepatutnya dilakukan lebih awal sekali gus mengekang penularan wabak berkenaan.

Sehingga semalam, Selangor mencatatkan 2,885 individu positif, manakala Kuala Lumpur sebanyak 988 kes.

Seorang penduduk di Bala-kong, Mohd. Fauzan Ismail, 41, berkata, dia menyokong penuh keputusan Selangor dikenakan PKPD memandangkan kes setiap hari melebihi 2,000, namun berasa kurang yakin tentang pematuhannya dalam



kalangan orang ramai.

Menurutnya, *total lockdown* yang dilaksanakan sebelum ini juga menyaksikan orang ramai

masih bebas ke sana sini tanpa sebarang rasa bimbang.

Katanya, jika situasi sama berlaku, maka PKPD juga tidak akan

berkesan untuk menurunkan kadar jangkitan Covid-19.

"Saya percaya ini (PKPD) yang terbaik dan berharap supaya penduduk di negeri ini dan Kuala Lumpur dapat mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan," katanya semalam.

Bagi Tahir Sengor, 50, sekatan yang dikenakan susulan PKPD sesuatu yang masih boleh diterima dan tidak terlalu menekan orang ramai kerana kedai makan dan runcit masih dibuka.

"Namun, keadaan mungkin agak sukar buat golongan peniaga. Mereka baru sahaja beberapa hari dapat berniaga sehingga pukul 10 malam dan kini terpaksa kembali tutup pukul 8 malam," ujarnya.

Dalam pada itu, Tahir berkata, ramai yang mempersoalkan mengapa baru sekarang PKPD dikuatkuasakan selepas jumlah kes menghampiri angka 7,000.

Ujarnya, langkah berkenaan sepatutnya lebih awal diputuskan kerana Selangor antara negeri paling banyak kes jangkitan Covid-19.

Seorang suri rumah yang

mahu dikenali sebagai Akmam, 42, memberitahu, dia khuatir mengenai anaknya seorang autisme.

Jelasnya, anaknya perlu dibawa keluar rumah untuk mengurangkan *tantrum*.

"Bila difikirkan payah juga untuk menempuhi tempoh beberapa minggu ini," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang remiser, Mohd. Al Adzha Johar berkata, ramai pihak bakal berdepan kesulitan kerana hanya seorang dibenarkan keluar rumah seterusnya mengganggu urusan termasuk membeli barang.

"Tindakan lambat diambil. Patut dua bulan lepas dah buat. Luar negara ada yang dah kembali stabil," ujarnya.

Sementara itu, Mohd. Taufiq Manap, 42, memberitahu, dia percaya sektor perkilangan perlu ditutup sepenuhnya kerana ia bakal menjejaskan keberkesanan PKPD yang dilakukan di Selangor.

"Selangor kawasan perindustrian dan banyak kilang. Kita patut buat seperti PKPD 1.0 dan sebab itu saya kurang yakin keberkesanan PKPD ini," katanya.